

Panduan Mengisi Borang Pendedahan Pertikaian Pekebun Kecil Bebas RSPO

Borang pendedahan pertikaian ini hendaklah dilengkapkan oleh Ahli Kumpulan ISH bagi menyokong pelaksanaan **Prinsip 2 (Memastikan kesahan, hak tanah dihormati dan kesejahteraan komuniti)**.

Dokumen ini bertujuan untuk memberi panduan berkenaan maklumat yang diperlukan di dalam Borang Pendedahan Pertikaian yang akan diserahkan kepada pengurus kumpulan atau wakil yang dilantik. Sebaik sahaja maklumat diberikan dan borang pendedahan pertikaian diserahkan, pengurus kumpulan atau wakil yang dilantik akan memberikan nombor rujukan kepada borang tersebut dan seterusnya ia akan diteliti. Borang pendedahan pertikaian ini boleh diserahkan sebagai suatu dokumen sokongan untuk kegunaan semasa audit luar pihak ketiga sesebuah kumpulan Pekebun Kecil Bebas.

BAHAGIAN 1: BUTIRAN AHLI KUMPULAN PEKEBUN KECIL BEBAS

1. Jumlah keseluruhan saiz tanah yang diuruskan atau yang berhak diusahakan oleh ahli kumpulan pekebun kecil hendaklah termasuk kawasan-kawasan yang diambil kira sebagai kawasan penghasilan kelapa sawit di bawah definisi Standard Pekebun Kecil Bebas RSPO.
2. Status hak milik tanah hendaklah menyatakan jika tanah tersebut dimiliki oleh lebih daripada seorang individu, jika ia sebahagian daripada sebuah koperasi, dipajak atau milik keluarga.
3. Untuk status hak milik tanah (di mana berkenaan), jika ada surat ikatan hak milik tanah, satu salinan imbas atau gambar yang jelas memaparkan maklumat di dalam surat ikatan hak milik tanah tersebut hendaklah diserahkan.
4. Untuk nombor hubungan, sila berikan nombor telefon yang menghubungkan terus kepada ahli kumpulan yang mengisi Borang tersebut atau jika tiada, nombor telefon orang terdekat boleh diberikan.

BAHAGIAN 2: DEKLARASI PERTIKAIAN

1. Bahagian ini bertujuan sebagai deklarasi pendedahan pertikaian(-pertikaian) yang sedia ada atau yang mungkin ada oleh ahli kumpulan. .
2. Bahagian ini hendaklah diisi oleh ahli kumpulan pekebun kecil tidak kira sama ada wujud atau tidak pertikaian(-pertikaian) sedia ada atau yang mungkin ada di plot tanah yang diuruskan atau yang berhak diusahakan oleh ahli kumpulan pekebun kecil tersebut.
3. Sila pastikan tindakan-tindakan berikut telah diambil semasa melengkapkan bahagian deklarasi pertikaian ini:
 - a. Pastikan semua maklumat berkaitan pertikaian sedia ada atau yang mungkin ada, telah didedahkan dan didokumentan.
 - b. Menghentikan seketika sebarang aktiviti yang boleh menghalang atau melambatkan proses penyelesaian pertikaian(-pertikaian) sedia ada atau yang mungkin ada.
4. Jika tiada sebarang pertikaian(-pertikaian) sedia ada atau yang mungkin ada sedang berlangsung di plot tanah yang diuruskan atau yang berhak diusahakan oleh ahli kumpulan pekebun kecil, pengisian borang pendedahan ini berakhir di bahagian ini.

BAHAGIAN 3: SIFAT PERTIKAIAN

1. Dalam bahagian ini, pekebun kecil dikehendaki untuk memberikan butiran pertikaian(-pertikaian) sedia ada atau yang mungkin ada bagi tujuan memberikan gambaran yang lebih jelas tentang pertikaian(-pertikaian) sedia ada atau yang mungkin ada tersebut.
2. Soalan di bahagian 3.2 hendaklah dijawab dengan sebanyak butiran yang boleh tanpa mengecualikan keterlibatan mana-mana individu atau komuniti-komuniti serta di mana pertikaian(-pertikaian) sedia ada atau yang mungkin ada tersebut berlangsung.

3. Bukti-bukti yang hanya tidak terhad kepada dokumen, gambar, kenyataan dan minit mesyuarat hendaklah disertakan sekali dengan borang pendedahan pertikaian. Bukti-bukti ini akan digunakan sebagai rujukan untuk tujuan pengesahan oleh pengurus kumpulan atau wakil yang dilantik.
4. Peringkat pertikaian hendaklah dijawab dari segi berapa hampirnya ahli dalam menyelesaikan pertikaian tersebut berdasarkan pertimbangan terbaik dan juga input daripada pengurus kumpulan atau wakil yang dilantik.
5. Ahli kumpulan pekebun kecil hendaklah menyatakan dalam bahagian 3.3, satu penerangan ringkas tentang sebarang pelan tindakan (jika ada) yang telah dikenal pasti atau sedang dilaksanakan untuk menyelesaikan pertikaian(-pertikaian) sedia ada atau yang mungkin ada.
6. Di bahagian 3.4, ahli kumpulan pekebun kecil dikehendaki untuk menyatakan secara realistik tempoh masa yang dijangkakan untuk menyelesaikan pertikaian tersebut.

BAHAGIAN 4 & 5: DEKLARASI

Kedua-dua bahagian 4 dan 5 bertujuan untuk memastikan bahawa semua pihak-pihak yang terlibat di dalam proses ini mengetahui tentang butiran-butiran pertikaian sedia ada atau yang mungkin ada dan memaklumi bahawa butiran-butiran telah diberikan tanpa sebarang niat untuk memperdaya atau memberi gambaran yang salah tentang sifat sebenar pertikaian sedia ada atau yang mungkin ada tersebut.

BAHAGIAN 6: KEBENARAN PEMERHATI PIHAK KETIGA (Pilihan)

Di dalam keadaan di mana **pemerhati pihak ketiga** diberikan kebenaran sebagai pemerhati untuk sebahagian atau kesemua proses penyelesaian pertikaian, kebenaran tersebut diberikan melalui **BAHAGIAN 6**. Pihak ketiga boleh terdiri daripada individu atau wakil daripada NGO atau Pegawai Kerajaan yang memastikan usaha ke arah memastikan pertikaian tersebut diselesaikan. Pihak ketiga hanya bertindak sebagai pemerhati dalam proses tersebut dan memberikan penilaian untuk membantu proses penyelesaian pertikaian.